

16 JAN 2003

Pasangan-Pandu (Bergambar)/I
MEMANDU UNTUK MALAYSIA

Oleh: Wan Ahmad Hulaimi

LONDON, 16 Jan (Bernama) -- Pada September tahun lepas di Malaysia, Arshad Feroz Khan, 59, bekas mejar tentera, melakukan sesuatu yang telah dimpikannya selama beliau berkerja - pergi jauh, membawa bersama isterinya yang merupakan buah hatinya sejak kecil Salina Abdullah.

Kini, empat bulan selepas itu dan selepas memandu sejauh kira-kira 21,000 km dengan pancuan empat rodanya, mereka berada di sini, bersiap sedia untuk memulakan peringkat kedua perjalanan mereka dengan penerbangan ke Montreal di Kanada di mana Toyota mereka sedang menanti untuk pengembaraan ke Vancouver.

Hasrat Arshad untuk mengembara di seluruh dunia timbul ketika beliau sedang berkhidmat dengan angkatan tentera Malaysia. Kemudiannya, ketika bekerja dengan syarikat perladangan terkemuka di Malaysia Timur dan Indonesia ia menjadi satu impian; alangkah bagus jika beliau berjaya memujuk isterinya untuk mengikutinya.

Beliau mengenali isterinya sejak zaman persekolahan di Perak ketika wanita itu, tiga tahun lebih muda daripadanya, dikenali sebagai Liew Von Kim, anak seorang pekerja lombong timah.

Apabila diberitahu mengenai rancangan untuk mengembara itu, Salina, sebagai seorang isteri yang menyedari bahawa suaminya itu telah mencecah umur 60 tahun telah menolak cadangan suaminya itu.

Tetapi Arshad, walaupun telah bersara daripada tentera, masih mempunyai kemahiran yang diperolehinya ketika berkhidmat dengan pasukan itu. Beliau telah mengeluarkan wang simpanannya dan menempah pacuan empat roda berteknologi tinggi dari Jepun dengan kos hampir RM100,000.

Kemudian beliau turut mendapat sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga tajaan korporat.

Persoalan utama yang masih bermain di fikirannya ialah adakah beliau akan mengembara seorang diri, atau adakah isterinya akan turut serta sebagai pembantu pemandu dan pemandu arah?

Isterinya pernah menolak, tetapi kini, dengan Toyota sudah sampai, beliau mencuba nasibnya sekali lagi. Beliau memandu kereta itu ke rumahnya dan dengan bangga menunjukkan kepada isterinya nombor pendaftaran kereta itu "PUTRAJAYA 2002".

Dengan senyuman nakal, Arshad bercerita sebaik sahaja melihat nombor pendaftaran itu, isterinya menjangkakan bahawa beliau memilih nombor itu bagi meraikan harijadinya pada 20 Feb dan dengan itu telah bersetuju untuk turut serta dalam pengembaraan itu.

Kini, setelah mereka mengelilingi separuh dunia, dan dengan tajaan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), Persatuan Automobil Malaysia (AAM), tayar Silverstone dan Caltex, mereka kini bersedia untuk meneruskan Caltex Overland World Challenge, nama rasmi pengembaraan mereka.

Politik turut memainkan peranan dalam menentukan haluan pengembaraan mereka. Mereka dinasihatkan untuk mengelakkan negara-negara tertentu yang tidak stabil daripada segi politik, dan demi keselamatan Arshad juga mengelakkan beberapa negara lain.

"Mengembara bersama isteri bermakna saya perlu sentiasa memikirkan keselamatan kami. Dengannya saya perlu berhati-hati dan tidak mengikut laluan yang mungkin saya ambil sekiranya saya mengembara bersendirian," kata Arshad.

Mereka berlepas dari Malaysia ke India manakala kereta mereka dihantar lebih awal dengan kapal oleh MISC; dari sana mereka memandu ke Pakistan,

Iran, Turki, Greece, Itali, Sepanyol, Liechtenstein, Switzerland, Austria, Belgium dan Perancis sebelum menaiki keretapi ke Britain.

Menurutnya nama Malaysia turut membantu mereka. Kejadian yang tidak dapat dilupakan ialah ketika mereka berada di Sepanyol, polis yang memeriksa mereka dengan tegas telah berubah sikap apabila mengetahui mereka adalah pasangan Malaysia yang sedang mengembara ke seluruh dunia.

"Ah Malaysia, anda dialu-alukan!" kata polis itu dengan mesra.

Sebagai orang Islam mereka turut menghadapi masalah. Di Switzerland, seorang anggota polis telah menyoalnya ekoran tercacat perkataan "bin" pada namanya.

"Saya tidak mencukur janggut saya sepanjang perjalanan itu dan kelihatan begitu berserabut," kata Arshad.

Apabila melihat pegawai polis itu melihatnya dengan syak wasangka, Arshad berkata sesuatu bagi memulihkan keadaan itu "Hei, saya bukan Bin Laden!"

Beliau dan pegawai polis kemudiannya sama-sama ketawa dan semuanya berjalan lancar selepas itu.

Selepas Kanada, perhentian mereka seterusnya ialah Jepun, kemudian China dan Korea sebelum kembali ke tanah air pada Mac.

-- BERNAMA

WAH AU RHM